

18/05/2003

Amaran AS tidak jejas kedatangan pelancong

KOTA KINABALU: Amaran Jabatan Negara Amerika bahawa Malaysia dijadikan pangkalan baru untuk menyerang rakyat dan kepentingan Amerika Syarikat (AS) tidak menjejaskan kedatangan pelancong asing termasuk dari AS sendiri.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir berkata, ramai pelancong negara itu yang ditemui mengakui negara ini selamat untuk mereka.

Katanya, pelancong asing tidak mudah percaya dengan kenyataan negatif terhadap Malaysia terutama Sabah yang dikaitkan kewujudan Jemaah Islamiah (JI) iaitu rangkaian al-Qaeda.

"Saya percaya pelancong asing termasuk dari AS sendiri tidak mudah percaya dengan kenyataan negatif yang dilemparkan terhadap Malaysia," katanya pada sidang media selepas mengadakan perjumpaan dengan wakil industri pelancongan Sabah di Pacific Sutera, di sini semalam.

Abdul Kadir mengulas kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kelmarin bahawa AS takutkan bayang-bayang sendiri akibat kezaliman mereka, apabila menasihatkan rakyatnya tidak berkunjung ke Malaysia, khususnya ke Sabah.

Awal minggu ini, Jabatan Negara Amerika Syarikat mengeluarkan kenyataan agar rakyatnya tidak berkunjung ke Malaysia, khususnya Sabah kerana negara ini dijadikan sarang penganas oleh Al-Qaeda dengan menjadikan JI sebagai rangkaian.

Sementara itu, dalam sidang media berasingan selepas mengadakan lawatan ke tapak majlis Rumah Terbuka Pesta Kaamatan (menuai) peringkat kebangsaan, beliau berpuas hati dengan persiapan majlis itu.

Pesta berlangsung di Padang Merdeka itu akan dilancarkan oleh Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail dan turut dihadiri Raja Permaisuri Agong, Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid.